


Carta Alir Proses Persaraan Pilihan



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pejabat Pendaftar
UTM
Kuala Lumpur

PERSARAAN PILIHAN

inovatif · entrepreneurial · global

Pejabat Pendaftar
(BAHAGIAN PENGURUSAN MODAL INSAN)

Universiti Teknologi Malaysia
54100 Kuala Lumpur

Tel: 03-26154830
Fax: 03-26934344

Email: registrar@ic.utm.my

Pejabat Pendaftar

Bahagian Pengurusan Modal Insan

Pengenalan

1. Risalah ini bertujuan memberi penerangan tentang urusan prosesan permohonan persaraan pilihan serta faedah persaraan yang dinikmati oleh staf berpencen apabila bersara.
2. Bagi memastikan perkara di atas berjalan dengan lancar, pihak-pihak yang terlibat ialah :-

- i. Bakal pesara
- ii. Ketua Jabatan
- iii. Bahagian Pinjaman Perumahan, Jabatan Hasil Dalam Negeri, KWSP dan
- iv. Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA

Latar Belakang

Kerajaan telah bersetuju membenarkan semua staf lelaki dan perempuan di dalam Perkhidmatan Awam dan Badan-Badan Berkanun untuk memilih dan memohon bersara apabila mencapai umur 40 tahun mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 1991—Persaraan Pilihan

Adakah anda layak memohon

Ya, sekiranya anda :-

- a. Telah berumur 40 tahun pada tarikh permohonan termasuk staf lelaki dan wanita.
- b. Telah genap 10 tahun perkhidmatan yang diambilkira
- c. Telah disahkan dalam jawatan
- d. Telah diberi Taraf Pekerja Berpencen
- e. Bebas daripada tindakan tatatertib / tindakan mahkamah
- f. Tidak terikat dengan syarat-syarat kontrak bisiswa kerajaan atau UTM. Bagi staf yang masih mempunyai ikatan kontrak bisiswa kerajaan atau UTM mereka perlulah membayar gantirugi bagi mendapatkan pelepasan kontrak

Tatacara Permohonan

1. Staf yang ingin membuat permohonan persaraan pilihan hendaklah memohon sekurang-kurangnya satu (1) tahun awal dari tarikh persaraan yang dipohon.
2. Surat permohonan daripada staf hendaklah melalui persetujuan Ketua Jabatannya.
3. Tarikh persaraan yang dipohon beserta alasan staf ingin memohon bersara pilihan hendaklah dicatatkan di surat permohonan.
4. Membuat perisytiharan harta melalui website <http://hrfin.utm.my> bagi kelulusan Universiti.
5. Mengemukakan 1 Salinan kad pengenalan pemohon

Nota : **Kegagalan atau kelewatan dalam mengemukakan maklumat-maklumat persaraan akan melewati prosesan mengemukakan permohonan staf ke Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA Pembayaran pencen, ganjaran dan lain-lain** Faedah persaraan kepada staf yang bersara pilihan adalah tertakluk kepada syarat-syarat

Siapa yang layak mendapat faedah persaraan

berikut:-

- a. Hanya mereka yang telah diberikan taraf berpencen sahaja adalah dibayar faedah-faedah persaraan seperti Pencen Perkhidmatan (bayaran bulanan) & Ganjaran Perkhidmatan (bayaran sekaligus).
- b. Ganjaran dan award wang tunai yang diberi sebagai ganti cuti rehat yang terkumpul akan dibayar sebaik sahaja mereka bersara pilihan.
- c. Bagi mereka yang dilantik sebelum 12 April 1991, pencen akan dibayar apabila mencapai umur :-
 - 45 tahun bagi staf perempuan
 - 50 tahun bagi staf lelaki

- d. Bagi mereka yang dilantik pada atau selepas 12 April 1991, pencen akan dibayar hanya apabila mencapai umur 55/56/58/60 tahun.

Amaun ganjaran dan pencen yang dibayar bergantung kepada tempoh perkhidmatan yang diambilkira dan gaji pokok akhir yang diterima sebelum bersara menurut formula berikut :-

i. Ganjaran

$$7.5\% \times \text{Bulan} \times \text{Gaji Pokok Perkhidmatan}$$

i) Pencen

$$1/600 \times \text{Bulan} \times \text{Gaji Pokok Perkhidmatan}$$

(Tertakluk kepada pencen maksimum 60% daripada gaji pokok bagi staf yang berkhidmat 30 Tahun keatas)

**Pencen penuh iaitu separuh dari gaji akhir apabila staf telah berkhidmat 30 tahun (360 bulan)